



JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA

Ibu Pejabat Kastam Diraja Malaysia,
Bahagian Teknologi Maklumat,
Aras 5 Utara, Kompleks Kementerian Kewangan,
No. 3, Persiaran Perdana, Presint 2,
62596 PUTRAJAYA,
MALAYSIA.



Telefon : 03-8882 2100
Faksimili : 03-8882 2597
Laman Web : www.customs.gov.my

Rujukan Tuan :
Rujukan. Kami : KE.HK(-)145/09-1-5 (58)
Tarikh : 15 Zulkaedah 1440H
18 Julai 2019

Dagang Net Technologies Sdn. Bhd.
Tower 3, Avenue 5,
The Horizon, Bangsar South
No. 8, Jalan Kerinchi
59200 Kuala Lumpur
(u.p. En. Zahari Azar)

Faks : 03 – 2713 2991

Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC) Sdn. Bhd
2360 Persiaran APEC
63000 Cyberjaya
Selangor Darul Ehsan
(u.p. Dato' Wan Peng)

Faks : 03 – 8318 7608

YBhg. Dato'/ Tuan/ Puan,

PENANGGUHAN PELAKSANAAN AUSTRALIA NEW ZEALAND FREE TRADE AGREEMENT (AANZFTA) MENGGUNAKAN KOD TARIF PDK 2017 DI DALAM SISTEM PENGIKRARAN KASTAM IMPORT

Saya dengan hormatnya merujuk kepada perkara tersebut di atas dan surat keperluan sistem *front end* bagi pelaksanaan *ASEAN-China Free Trade Agreement (ACFTA)*, *ASEAN-Hong Kong Free Trade Agreement (AHKFTA)* dan *AANZFTA* menggunakan Perintah Duti Kastam (PDK) 2017 (Rujukan Kami : KE.HK(-)145/09-1-5 (57)) bertarikh 11 Julai 2019.

2. Dimaklumkan bahawa Bahagian Teknologi Maklumat (BTM), JKDM Ibu Pejabat telah dimaklumkan bahawa tarikh kuatkuasa bagi pelaksanaan AANZFTA menggunakan PDK 2017 dijangkan pada 1 September 2019. Ini kerana:

- i. Terdapat pindaan kadar duti bagi AANZFTA yang akan diwartakan di mana pindaan tersebut memerlukan semakan semula dari pihak JKDM; dan
- ii. Pihak Kementerian Kewangan ingin memberi keutamaan kepada pelaksanaan ACFTA dan AHKFTA menggunakan PDK2017 terlebih dahulu di mana kedua-dua FTA ini dijadualkan berkuatkuasa serentak pada 1 Ogos 2019.

3. Oleh yang demikian, dimohon pihak YBhg. Dato'/ tuan/ puan untuk mengambil tindakan yang sewajarnya dan memanjangkan perkara ini kepada *business partner, Enterprise Application Integration (EAI) user* dan klien-klien yang terlibat di bawah kendalian pihak YBhg. Dato'/ tuan/ puan.

4. Perhatian dan kerjasama pihak YBhg. Dato'/ tuan/ puan di dalam perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,



(MOHD ASTA BIN ALI)
Bahagian Teknologi Maklumat
b.p Ketua Pengarah Kastam
MALAYSIA